

Tarikh: 18 September 2024

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Beg Berkunci 206,
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir,
13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang

Tuan/Puan,

MAKLUMAN BERKENAAN CUKAI PERKHIDMATAN SEBANYAK 8% KEATAS KONTRAK PERKHIDMATAN SEDIA ADA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, sebagaimana ketetapan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Kastam, pihak syarikat diarahkan untuk menguatkuasakan kutipan cukai perkhidmatan dari 0 peratus kepada 8 peratus mulai 1 Ogos 2024.

3. Justeru itu, mengikut perjanjian semasa bersama pihak tuan, tuntutan bayaran cukai perkhidmatan adalah 0 peratus iaitu selama 8 bulan. Kami ingin memohon tuntutan bayaran cukai perkhidmatan ditetapkan kepada 8 peratus bermula 1 Ogos 2024 sehingga 31 Disember 2024 (5 bulan).

4. Oleh yang demikian, tuntutan bayaran cukai perkhidmatan 8 peratus bermula Ogos 2024 hingga Disember 2024 (5 bulan) adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Sahaja (RM 220.00)**.


5. Jadual di bawah adalah tuntutan bayaran perkhidmatan termasuk kadar cukai perkhidmatan 8 peratus yang baru bagi setiap bulan sebagai rujukan:

JADUAL 1

BIL	PERKHIDMATAN	FREKUENSI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1.	TONG SANITARI DI MPC WILAYAH SELATAN	5 Bulan	35.00	175.00
	JUMLAH KESELURUHAN (TANPA SST)			175.00
	8% SST			14.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)(1)			189.00
2.	KAWALAN HAIWAN PEROSAK DI MPC WILAYAH SELATAN	5 Bulan	480.00	2,400.00
	JUMLAH KESELURUHAN (TANPA SST)			2,575.00
	8% SST			206.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)(2)			2,592.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM) (1+2)			2,781.00

6. Diharap perkara di atas mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya daripada pihak tuan/puan. Segala kerjasama pihak tuan/puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.



Wan Mohd Yusri Bin W. Rawi @ Wan Nik
Pengarah Urusan
Bio Pest & Hygiene Sdn Bhd